

# PUNCA KRISIS AIR DI MALAYSIA

## 1. Fenomena cuaca

- Kejadian kemarau yang berpanjangan merupakan fenomena di luar jangkaan, maka langkah untuk mengawal bekalan air tidak dilaksanakan segera.
- Akibatnya, banyak kawasan tadahan air dan loji air tidak mempunyai bekalan yang cukup untuk keperluan masyarakat.
- Contohnya, kejadian El Nino pada tahun 2016 menyebabkan paras air diEmpangan Semenyih mengalami penyusutan yang mendadak.

## 2. Pembuangan sampah

- Kira-kira 300 000 tan sampah dibuang ke dalam sungai setiap tahun.
- Daripada 473 sungai yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar pada tahun 2016, 43 sungai mengalami pencemaran teruk manakala 186 sungai didapati mengalami sedikit pencemaran.

## 3. Pertambahan penduduk

- Penduduk Malaysia pada tahun 2020 dianggarkan berjumlah 32.7 juta orang berbanding dengan 10.4 juta pada tahun 1970.
- Pertambahan penduduk tersebut menyebabkan peningkatan permintaan terhadap air.

## 4. Penebangan hutan di kawasan tadahan air

- Hutan ialah ekosistem penting kerana menjadi kawasan tadahan air dan punca sumber air bersih.
- Penebangan hutan secara berleluasa untuk kegiatan pertanian ladang dan pembalakan telah memusnahkan 'hutan awan' (cloud forest) yang boleh mengakibatkan kehilangan sumber air yang berharga.

## 5. Penggunaan racun serangga dan baja kimia

- Penggunaan racun serangga dan baja kimia yang tidak diurus dengan cekap menyebabkan pencemaran punca air bersih.
- Sisa racun dan baja kimia mengalir masuk ke punca air seperti sungai atau parit. Hal ini menyebabkan berlakunya pencemaran air bersih.

## 6. Permintaan tinggi dalam sektor perindustrian

- Pembangunan yang pesat menyebabkan permintaan bekalan air bagi sektor perindustrian meningkat.
- Contoh industri yang banyak menggunakan air ialah industri pemprosesan makanan dan minuman, industri kimia, industri logam dan industri pembuatan.